

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ALOR SETAR]**

**TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN : Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah-langkah yang dirancang dan telah diambil oleh Kementerian untuk membantu pesawah padi mengurangkan kos pengeluaran beras di dalam negara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Antara langkah-langkah yang telah diambil Kementerian untuk membantu pesawah mengurangkan kos pengeluaran beras adalah melalui penyaluran bantuan berbentuk subsidi dan insentif kepada para pesawah untuk mengurangkan kos pengeluaran beras dalam negara. Pada tahun 2015, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2.211 bilion dalam bentuk subsidi dan insentif bertujuan bagi membantu petani dalam setiap aspek terutama dari segi bantuan input pertanian sehingga ke penjualan hasil. Insentif yang berbentuk input pertanian adalah seperti benih, baja, racun dan pengapuran bertujuan bagi mengurangkan kos pengeluaran dan penanaman padi yang perlu ditanggung oleh pesawah. Purata kos pengeluaran padi sehektar adalah sekitar RM 4,221.43 yang mana melalui pemberian subsidi dan insentif ini Kerajaan

telah menanggung kos sebanyak RM2,540.00 dari jumlah yang perlu ditanggung oleh petani. Manakala bantuan dari segi penjualan padi pula adalah bagi membantu meningkatkan pendapatan pesawah supaya berada di atas garis kemiskinan Negara dan juga sebagai galakkan kepada pesawah untuk meningkatkan hasil pengeluaran bagi setiap hektar padi yang ditanam.

Selain itu, antara langkah lain yang telah dilaksanakan Kementerian adalah seperti berikut :-

- (i) pewujudan empat kawasan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) baru iaitu di Pekan, Rompin, Kota Belud dan Batang Lupar yang mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi negara dan menyumbang kepada SSL Negara ke arah 100% menjelang tahun 2020;
- (ii) pelaksanaan projek-projek EPP di bawah NKEA;
- (iii) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran;
- (iv) penggunaan varieti baru dan benih padi sah;
- (v) pengamalan teknologi pertanian tepat; dan
- (vi) meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi.